


## PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA (BN) BAGI TAHUN 2023

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2023 telah dimuat naik pada Portal Rasmi HASiL sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai untuk mengemukakan Borang Nyata mereka pada tahun 2023. Dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikut panduan mudah seperti yang berikut:
  - i. Layari Portal Rasmi HASiL di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)
  - ii. Klik menu **Borang > Program Memfail Borang Nyata > Program Memfail Borang Nyata (BN) Bagi Tahun 2023**



iii. Atau capaian pantas di pautan berikut:

Versi Bahasa Malaysia:

[https://www.hasil.gov.my/media/mpofkuqz/programmefailbn\\_2023.pdf](https://www.hasil.gov.my/media/mpofkuqz/programmefailbn_2023.pdf)

Versi Bahasa Inggeris:

[https://www.hasil.gov.my/media/esmb4pd1/rffilingprogramme\\_2023.pdf](https://www.hasil.gov.my/media/esmb4pd1/rffilingprogramme_2023.pdf)

2. Pembayar cukai dan para majikan adalah digalakkan untuk menggunakan kemudahan e-Filing (<https://mytax.hasil.gov.my/>) bagi pengemukaan BN yang akan menjadi medium pengemukaan borang sepenuhnya pada masa hadapan. Ejen cukai pula digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan TaeF (<https://taef.hasil.gov.my/>) bagi pengemukaan BN.
3. Bagi memudahkan dan menjimatkan masa pekerja mengemukakan BN melalui e-Filing, majikan digalakkan untuk mengemukakan data saraan pekerja tahun 2022 melalui aplikasi e-Data Praisi/e-CP8D. Data saraan yang diterima akan digunakan bagi tujuan praisi e-borang pekerja (e-BE / e-B / e-BT / e-M / e-MT tahun taksiran 2022). Pengemukaan data saraan pekerja tahun 2022 boleh dilakukan melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHASiL > e-Data Praisi/e-CP8D bermula pada 1 Januari 2023 sehingga 25 Februari 2023. Majikan boleh merujuk kepada format terkini susun atur maklumat e-Data Pra-isi / e-CP8D bagi tahun saraan 2022 yang dilampirkan bersama-sama program memfail BN 2023 bagi tujuan penyediaan data saraan pekerja.

4. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 01 Januari 2023**